

Integrasi Takaful Mikro dan Wakaf Ketika Pandemi: Analisis Potensi dan Cabaran

[The Intergration of Micro Takaful and Waqf During Pandemic: Potentials and Challenges]

Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi ^{1*}, Wan Nur Fazni Wan Mohamad Nazarie ², Aulia Rahman Zulkarnain ³ & Mohd Mahyeddin Mohd Salleh ¹

¹Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

² Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

³ Yayasan Maghfirah, Jalan Putra 2, Taman Kajang Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

* Corresponding Author: hussein@usim.edu.my

Abstrak

Fenomena pandemik telah menyebabkan populasi miskin semakin terbeban dari sudut ekonomi disebabkan peluang pekerjaan yang semakin terbatas, kos perubatan meningkat dan akses fasiliti kesihatan yang terhad. Takaful mikro merupakan antara instrumen kewangan patuh Syariah yang menyediakan skim perlindungan kepada populasi berpendapatan rendah. Takaful mikro dikatakan mengalami beberapa permasalahan terutamanya yang melibatkan kos operasi. Justeru, aplikasi takaful mikro dengan sokongan dana wakaf dilihat antara solusi yang ideal. Kajian ini bertujuan untuk meneroka potensi, isu serta cabaran bagi integrasi takaful mikro dan wakaf ke arah memperkasakan perlindungan kesihatan bagi golongan miskin dalam mendepani wabak pandemik. Metode kajian kepustakaan dan dokumentasi digunakan untuk mendapatkan data. Bagi tujuan analisis, kaedah analisis kandungan, diskriptif, induktif dan deduktif digunakan secara

Manuscript Received Date: 08/10/21

Manuscript Acceptance Date: 5/12/21

Manuscript Published Date: 25/12/21

©The Author(s) (2020). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact: usimpress@usim.edu.my

DOI: 10.33102/uij.vol33no55.399


konsisten. Hasil kajian telah mengenalpasti beberapa prospek dan cabaran bagi penggunaan wakaf dalam operasi takaful mikro turut dikenalpasti. Kajian diharapkan mampu menyumbang kepada pelaksanaan wakaf dan takaful mikro yang lebih dinamik dan lestari.

Kata kunci: *Takaful mikro, wakaf, populasi miskin, penjagaan kesihatan, COVID-19.*

1.0 Pendahuluan

Pandemik merupakan wabak penyakit yang mengancam nyawa yang merebak dengan tidak terkawal secara rentas geografi McLafferty (2010). Ia bermula apabila sesuatu penyakit tersebar dalam satu kawasan berskala kecil. Akibat tidak dibendung, ia merebak ke sesebuah negeri, negara, benua hatta ke seluruh dunia. Pandemik mula dikenal pasti sekitar tahun 165 hingga 180 apabila tularnya wabak yang dikenali sebagai Antonine Plague yang telah membunuh sekitar 5 juta manusia. Black Plague yang tular sekitar 1347 hingga 1351 dianggap sebagai pandemik paling buruk dalam sejarah kerana telah meragut sekitar 200 juta nyawa. Terkini, COVID-19 telah diisytiharkan oleh World Health Organization sebagai pandemik yang mengancam dunia. Pandemik ini berpunca dari virus Corona jenis baharu yang belum pernah dijumpai sebelum ini. Data setakat 12 Oktober 2021, sekurang-kurangnya 239,128,312 kes COVID-19 dicatatkan yang melibatkan 223 negara dan sebanyak 4,874,997 kematian direkodkan di mana jumlah ini dijangka akan terus meningkat saban waktu.

Graf 1. Jumlah Kes Harian COVID-19 Peringkat Global dari Januari hingga September 2021



Pelbagai inisiatif penciptaan vaksin telah dilakukan namun setakat usaha ini belum menemui kejayaan. Aspek ekonomi antara yang terjejas teruk apabila saham merosot, mata wang jatuh, peluang pekerjaan terbatas dan aktiviti perniagaan terpaksa dihentikan buat sementara waktu. Akses kepada barangan keperluan menjadi terhad disamping sebahagian harga barangan kesihatan meningkat. Populasi miskin merupakan antara yang mengalami kesan buruk secara lansung kerana majoriti mereka berpendapatan rendah dan tidak tetap

serta tinggal di kawasan pedalaman. Situasi lebih membimbangkan jika mereka atau ketua keluarga menghidap wabak ini.

Skim perlindungan kesihatan atau takaful amat penting sebagai salah satu kaedah menghadapi wabak. Takaful merupakan instrumen perlindungan patuh Syariah yang membolehkan setiap pesertanya saling menjamin antara satu sama lain untuk menanggung kemudahan yang dialami oleh peserta dengan membayar pampasan munasabah (Swartz & Coetzer, 2010). Akta Takaful 1984 memperuntukkan takaful sebagai satu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta yang memerlukan atas asas semua peserta bersetuju untuk tujuan tersebut. Inisiatif instrumen takaful diaspirasikan daripada al-Quran yang menekankan kepentingan sikap tolong menolong untuk menjunjung prinsip kebenaran dan takwa.

Dalam keadaan ancaman penyakit dan suasana ekonomi yang menghimpit, sudah tentulah populasi miskin mengharapkan perlindungan dan bantuan. Dalam situasi seumpama inilah peranan takaful perlu diketengahkan. Rekod menunjukkan kebanyakan operator takaful memberikan kemudahan tunai secara *one-off* sekitar RM1,000 hingga RM5,000 kepada peserta bagi membeli barangan keperluan dalam situasi bencana penyakit. Disamping itu, kemudahan saringan penyakit juga disediakan (bergantung kepada pakej dan jenis takaful). Ini kerana saringan awal penyakit amat penting untuk membasmi pandemik secara berkesan. Namun khidmat saringan di sektor kesihatan swasta agak mahal manakala untuk melakukan saringan bersubsidi di klinik/hospital kerajaan memerlukan prosedur agak panjang.

Takaful dianggap sebagai salah satu komponen penting dalam gagasan kewangan Islam. Menurut Chapra (1979) dan Lone & Ahmad (2017), gagasan kewangan Islam memperjuangkan beberapa matlamat antaranya:

1. Menerapkan nilai-nilai Islam dalam aktiviti komersil
2. Menjunjung persaudaraan dan keadilan sejagat
3. Menghapuskan jurang pendapatan
4. Mempromosikan kebajikan sosial

Walau bagaimanapun, penawaran produk takaful arus perdana (*mainstream*) kelihatan kurang selari dengan matlamat-matlamat tersebut kerana modus operandi perniagaannya yang berorientasikan memaksimumkan keuntungan. Oleh itu, caj caruman bulanan yang dikenakan agak mahal yang hanya mampu dibayar oleh masyarakat kelas menengah (M40) dan kelas atasan (T20). Penawarannya juga kelihatan cuba mengelak golongan miskin atau kelas bawahan kerana mereka sering dikaitkan dengan risiko kerugian seperti *moral hazard* dan kurangnya disiplin dalam pembayaran caruman. Keadaan ini mempamerkan seolah-olah segmen populasi miskin terpinggir daripada kemudahan takaful.

Takaful mikro dipercayai antara solusi yang ideal bagi golongan berpendapatan rendah untuk menikmati skim perlindungan kesihatan dan perniagaan yang bersifat mampu milik. Kajian ini cuba menganalisis peranan takaful mikro dalam mendepani wabak pandemik. Ia juga membincangkan tentang beberapa isu terkait dengan pelaksanaan takaful mikro

berasaskan sumber dana Islam khususnya wakaf. Kajian ini dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian bermula dengan konsep takaful mikro. Kemudian diikuti dengan perbincangan tentang keperluan populasi miskin kepada takaful mikro. Permasalahan takaful mikro turut dibincangkan dan dianalisis. Pada bahagian akhir turut dibahaskan prospek, isu dan cabaran bagi wakaf sebagai sumber sokongan bagi takaful mikro.

2.0 Sorotan Literatur

2.1 Takaful Mikro: Konsep dan Latar Belakang

Menurut sejarahnya, sistem takaful dipercayai telah diamalkan di zaman Arab Jahiliyyah sebelum kedatangan Islam melalui pelaksanaan *diyāt*¹. Apabila terdapat kesalahan yang mengakibatkan kematian yang dilakukan seseorang, ahli-ahli kabilahnya akan bersama-sama menyumbang sejumlah harta bagi pihak pesalah untuk dibayar kepada waris mangsa dalam bentuk pampasan (Ismail, 2008). Pendekatan ini dilihat membawa masalah yang dapat menyelesaikan pergelutan berpanjangan antara kabilah sekaligus mengelak berlakunya pertumpahan darah. Justeru, pendekatan takaful seperti ini diteruskan di zaman Rasulullah SAW dengan menggunakan istilah '*al-ma'aqil*'. Skop perlingkungannya diperluaskan lagi yang merangkumi pembebasan tawanan perang dan perlindungan bagi kecederaan disebabkan kecuaiian atau jenayah (Ismail, 2008). Pada era moden, konsep takaful telah dibangunkan menjadi skim perlindungan yang boleh diniagakan. Pelbagai pelan dan pakej takaful ditawarkan bagi memenuhi keperluan perlindungan manusia yang semakin kompleks.

Gagasan idea takaful mikro tercetus apabila polisi takaful arus perdana kelihatan kurang mampu dimiliki populasi marginal yang berpendapatan rendah sungguhpun segmen ini dipercayai lebih memerlukan skim perlindungan. Perkataan 'mikro' adalah merujuk kepada target populasi yang tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah atau di bawah garis kemiskinan (Pfister et al., 2009; Yusuf & Mobolaji, 2012). Bank Negara Malaysia (BNM) mendefinisikan takaful mikro sebagai suatu skim perlindungan yang distruktur untuk menyantuni golongan berpendapatan rendah. BNM menetapkan bahawa produk takaful mikro haruslah bersifat mudah akses, carumannya bersifat mampu-bayar, perkhidmatannya mampu menampung tuntutan perbelanjaan yang besar, mampu memberi keringanan secara sementara atau sebahagian dari beban yang dialami serta bersifat inklusif – iaitu ditawarkan kepada semua tanpa mengira status (Bank Negara Malaysia, 2016). Khan (2007) menjelaskan takaful mikro adalah satu mekanisme untuk menyediakan skim perlindungan yang patuh Syariah untuk pekerja kolar biru dan penduduk miskin. Ia merupakan versi ringkas daripada produk takaful arus perdana. Oleh kerana takaful mikro diasaskan daripada kontrak takaful, maka perlaksanaannya perlu memenuhi beberapa prinsip fundamental takaful seperti berikut (M. J. A. Khan, 2007):

1. Kebersamaan dan kerjasama

¹ *Diyāt* atau *blood money* merujuk kepada harta yang dibayar kepada waris atau wali mangsa sebagai pampasan bagi kesalahan yang mengakibatkan kematian (Al-Jurjani, 2000).

2. Polisi mestilah berasaskan tabungan derma (*tabarru'at*) peserta dan bukannya kontrak pertukaran nilai (*mu'awadat*) seperti yang berlaku dalam konvensional insurans
3. Caruman dibayar atas asas sumbangan derma
4. Menjauhi elemen larangan tiga serangkai dalam kewangan Islam iaitu: faedah (*riba*), ketidakpastian (*gharar*) dan perjudian (*maysir*)
5. Mengaplikasikan konsep *wakalah* atau *mudarabah* untuk memudahkan transaksi
6. Mengamalkan prinsip saling menjamin atau *joint-guarantee* sesama peserta
7. Tabung sumbangan yang terpisah
8. Memenuhi prinsip Syariah

Walaupun secara asasnya takaful mikro berasal daripada konsep takaful, perlu diperhalusi bahawa pelaksanaan takaful arus perdana lebih mengamalkan konsep '*takaful tijari*' yang menumpukan aspek penciptaan keuntungan dan meminimakan risiko kerugian. Manakala takaful mikro pula lebih bersifat '*takaful ta'awuni* atau *ijtima'i*' yang lebih menumpukan aspek pemerksaan sosial. Justeru, boleh disimpulkan beberapa ciri-ciri khusus bagi takaful mikro yang mungkin berbeza dengan produk kewangan Islam lain yang bersifat komersil (*tijari*):

1. **Ringkas:** Segala terma, syarat dan prosedur dalam penawaran produk takaful mestilah bersifat ringkas dan *straight forward* dan menjauhi elemen-elemen rumit yang sukar difahami pelanggan. Ini kerana takaful mikro mensasarkan populasi miskin dan pendalaman yang kebanyakannya kurang berpelajaran tinggi dan tahap celik kewangan yang rendah. Bahasa yang digunakan dalam kontrak dan segala dokumentasi juga perlu meraikan latar belakang pelanggan.
2. **Berorientasikan perlindungan populasi miskin:** Motif perniagaan takaful mikro menjadikan perlindungan kepada populasi miskin sebagai agenda utama. Dengan perkataan lain, operator takaful mikro tetap menjalankan aktiviti yang boleh mencipta keuntungan demi memastikan kelangsungan (*sustainability*) perniagaan, namun ia bukan orientasi utama.
3. **Mudah Akses:** Berbeza dengan produk takaful arus perdana yang lebih memberi fokus kepada penduduk bandar, takaful mikro harus menawarkan capaian atau *outreach* yang lebih luas. Takaful mikro harus mudah diakses oleh golongan miskin bandar dan luar bandar. Untuk mencapai hasrat ini, beberapa aspek perlu diberi perhatian, antaranya caruman takaful mikro mestilah bersifat mampu-bayar dan berpatutan. Ini adalah aspek paling penting untuk menarik lebih ramai golongan miskin mendapat akses takaful mikro. Selain itu, operator takaful mikro juga perlu menyediakan platform atau sistem yang mesra

golongan miskin dan pedalaman untuk tujuan pembayaran caruman bulanan dan proses tuntutan.

4. **Kawal Selia Kepatuhan Syariah:** Menurut kajian empirikal oleh Karim, Tarazi, & Reille, (2008), populasi miskin dan pedalaman kurang berminat dengan produk yang tiada kawal selia kepatuhan Syariah. Ini kerana kebanyakan mereka masih bersikap koservatif yang skeptikal terhadap produk kewangan Islam kontemporari. Ironinya, Obaidullah & Khan (2008) mendapati bahawa secara umumnya amat sukar untuk mendapatkan institusi pembiayaan mikro yang mempunyai sistem kawal selia Syariah yang kemas. Ini kerana panel Syariah yang dianggotai oleh pakar kewangan Islam selalunya melibatkan kos yang agak tinggi yang sukar untuk dibiayai oleh entiti perniagaan yang tidak berorientasikan keuntungan.

Dari sudut operasi, takaful mikro diaplikasikan dengan modus operandi yang hampir sama dengan insurans mikro konvensional. Cuma yang membezakannya ialah kontrak sandaran takaful tersebut (Htay et al., 2015). Pengamal takaful mikro di peringkat global lebih didominasi oleh operator takaful, institusi pembiayaan mikro, NGO, institusi kesihatan, syarikat-syarikat swasta dan juga institusi zakat (Haryadi, 2007; Htay et al., 2015). Di Malaysia, kebanyakan produk takaful mikro ditawarkan oleh takaful operator yang utama seperti Sun Life Malaysia dan Bank Rakyat. Antara produk yang popular seperti Takaful Hayati, Takaful Nelayan, Skim Perlindungan Tenang dan Skim Perlindungan Tabarru' Koperasi. Malah, produk takaful turut ditawarkan oleh institusi pembiayaan mikro Islam seperti Amanah Ikhtiar Malaysia yang menawarkan skim Tabung Kebajikan dan Kesejahteraan Sahabat (TKKS). Walau bagaimanapun, amat sukar menemukan operator menawarkan dan mengoperasikan produk takaful mikro sebagai bisnes utamanya (*core business*). Ini kerana penawaran produk takaful mikro sering dikaitkan dengan risiko kekangan kewangan (isu ini akan diulas pada bahagian selanjutnya).

Takaful mikro telah memainkan peranan penting dalam aspek memesatkan sosioekonomi dan penjagaan kesihatan bagi negara-negara membangun khususnya negara muslim. Ianya amat signifikan dengan dapatan Human Development Indeks, kebanyakan populasinya berada dalam kategori miskin atau miskin tegar (UNDP, 2019). Penjagaan kesihatan mempunyai korelasi yang kuat dengan aspek kemajuan sesebuah negara. Menurut Idris & Dan (2004), negara yang miskin mempunyai tahap fasiliti penjagaan kesihatan yang rendah sekaligus membantutkan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

2.2 Permasalahan Dalam Operasi Takaful Mikro

Bank Negara Malaysia telah menetapkan bahawa operasi kewangan Islam mestilah berasaskan *Value-Based Intermediation* (Perantara Berasaskan Nilai, VBI) yang mengesyorkan institusi kewangan Islam untuk tidak fokus kepada keuntungan semata, tetapi mampu memberi masalah kepada ekonomi, alam sekitar dan sosial. Justeru, takaful mikro penting sebagai medium untuk merealisasikan agenda VBI. Walau bagaimanapun, operasi sedia ada tidak dapat lari dari beberapa cabaran dan isu. Kajian oleh (Gor, 2013; Htay et al., 2015; Mohamad Puad, 2017; Mokhtar et al., 2012; Salleh & Padzim, 2018) mengulas beberapa isu dan cabaran tersebut:

1. **Kos rawatan:** kadar inflasi perubatan di Malaysia yang meningkat saban tahun menyebabkan kos rawatan menjadi mahal (Kaur, 2018; Loong, 2019). Ini menyebabkan tidak banyak syarikat takaful arus perdana yang berani mengambil risiko menawarkan produk berskala mikro. Syarikat takaful mikro sedia ada pula terpaksa membataskan pakej perlingkungannya bagi mengelakkan risiko kerugian.
2. **Nisbah tabung caruman dan tuntutan tidak seimbang:** situasi begini boleh menyebabkan kerugian dan defisit kerana kos tuntutan melebihi dana tabung caruman terkumpul memandangkan kadar caruman yang rendah dikenakan ke atas peserta takaful mikro.
3. **Promosi dan capaian:** bagi menampung kadar caruman yang rendah, syarikat takaful mikro berhajatkan kepada peserta/pelanggan yang ramai. Justeru, promosi dan pemasaran produk perlu dilakukan secara berterusan kerana tahap 'celik kesihatan' golongan miskin dan pedalaman agak rendah. Capaian juga perlu melibatkan skala yang besar kerana kebanyakan golongan ini tinggal di kawasan terpencil dan luar bandar. Keadaan seumpama ini boleh menyebabkan kos operasi bagi tujuan capaian dan promosi menjadi mahal.
4. **Kemampuan bayar caruman:** populasi miskin dikatakan mempunyai risiko untuk culas dalam membayar caruman takaful mikro secara konsisten dan berdisiplin. Ini disebabkan oleh pendapatan mereka yang rendah dan tidak tetap. Culas dalam pembayaran caruman menyebabkan syarikat takaful mikro mengalami kerugian.
5. **Keuntungan:** jumlah caruman rendah, skala capaian pelanggan yang kecil dan kos operasi yang tinggi menyebabkan margin keuntungan agak rendah dan boleh menyebabkan kerugian.
6. **Sumber manusia:** Bidang takaful mikro masih baru di mana pertama kali ia ditawarkan sekitar 2010. Justeru, tidak ramai pakar rujuk dalam bidang ini dalam kalangan pemain industri mahupun ahli akademik. Menurut (Gor, 2013; Mokhtar et al., 2012), institusi yang menawarkan takaful mikro juga masih tidak mempunyai kemahiran yang mantap dalam melaksanakannya. Aplikasi takaful sedia ada mungkin kurang sesuai untuk diadaptasi dalam takaful mikro kerana dua segmen ini berbeza dari sudut dua aspek iaitu motif perniagaan dan target pelanggan.
7. **Kepatuhan Syariah:** kawal selia Syariah antara cabaran utama dalam operasi takaful mikro seperti yang didapati dalam (Obaidullah & Khan, 2008) bahawa masih banyak kelemahan dalam pelaksanaan aspek ini. Antara punca kelemahan ini ialah disebabkan kos kawal selia kepatuhan syariah yang agak mahal kerana perlu melibatkan pakar dan konsultan kewangan Islam.

Berdasarkan penelitian, kajian ini berpandangan bahawa punca utama bagi permasalahan dalam pelaksanaan takaful mikro adalah disebabkan oleh kekangan kewangan. Pandangan ini disokong oleh kajian lain seperti (Abdul et al., 2019; Brugnoni, 2013; Mikail et al., 2017) yang menyatakan kos operasi takaful mikro bergantung penuh kepada ceruman pelanggan. Namun, kadar caruman yang rendah menyebabkan ia terdedah kepada risiko

defisit. Ini bermakna, jika kewangan kukuh, solusi bagi cabaran dan permasalahan yang dikenalpasti dapat dicapai. Antara kelebihan takaful mikro ialah ia mempunyai matlamat yang sama dengan wakaf iaitu untuk menjaga masalah sosial. Justeru, penggunaan dana wakaf sebagai sumber dana alternatif dilihat antara solusi yang munasabah.

2.3 Wakaf: Konsep dan Latar Belakang

Para fuqaha mendefinisikan wakaf sebagai menahan sesuatu harta bagi tujuan memanfaatkannya kepada pihak lain sebagai cara untuk mendekatkan diri (bagi pewakaf) kepada Allah SWT (Ibn Qudāmah 1997). Dalil syarak telah jelas mensyariatkan amalan wakaf, misalnya seperti apa yang diterangkan oleh hadis:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ أَصَابَ أَرْضًا بِحَيْبَرَ فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِحَيْبَرَ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ أَنْفَسَ عِنْدِي مِنْهُ فَمَا تَأْمُرُ بِهِ قَالَ إِنْ شِئْتَ حَبَشْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا قَالَ فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ أَنَّهُ لَا يُبَاعُ وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ وَتَصَدَّقَ بِهَا فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي الْفُرْزَى وَفِي الرِّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَالضَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ مِنْ وَلِيِّهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ وَيُطْعِمَ غَيْرَ مَتَمَوْلٍ قَالَ فَحَدَّثْتُ بِهِ ابْنَ سِيرِينَ فَقَالَ غَيْرَ مُتَأْتِلٍ مَالًا.

Maksudnya: daripada Ibn Umar RA katanya: Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar kemudian dia datang menghadap Nabi S.A.W untuk meminta pendapat berkenaan cara menguruskannya, katanya: Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar. Saya belum pernah memperolehi harta yang lebih baik daripada ini. Baginda bersabda: Jika kamu suka, tahanlah tanah itu (wakafkanlah tanah itu) dan kamu sedekahkan manfaatnya. Lalu Umar mengeluarkan sedekah hasil tanah itu dengan syarat tanahnya tidak boleh dijual dan dibeli serta diwarisi atau dihadiahkan. Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekakan hamba juga untuk orang yang berjihad di jalan Allah serta untuk bekal orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu. Orang yang mengurusnya boleh makan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya. (Al-Bukhari, 1997)

Ayat al-Quran juga ada menjelaskan:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Maksudnya: Kamu sekali-kali tidak dapat mencapai kebajikan dan bakti (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu sayangi. Dan apa saja yang kamu nafkahkan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya. (Ali Imran: 92)

Amalan wakaf dipercayai bermula daripada peristiwa telaga Bayruha' di mana Abu Talhah RA mewakafkan telaga tersebut untuk memenuhi keperluan sumber air masyarakat setempat (Kahf, 2003). Bertitik tolak dari peristiwa ini, sejarah Islam menunjukkan bahawa institusi wakaf terus pesat dibangunkan dan telah memainkan peranan penting sebagai instrumen pembangunan masyarakat. Ini dapat dilihat melalui pengupayaan institusi pendidikan, perkhidmatan kesihatan, pusat aktiviti sosio-budaya dan fasiliti awam (contoh: jalan dan jambatan) yang dilakukan melalui penggunaan dana wakaf secara optimum (Boudjellal, 1998). Wakaf tunai juga turut giat dipromosi dan diaplikasikan bagi tujuan pembangunan sosial khususnya bagi memenuhi keperluan harian populasi miskin disamping turut digunakan sebagai modal perniagaan dan pelaburan bagi masyarakat setempat. Sekitar abad ke-19, aset wakaf telah dibangunkan untuk menjadi alat pembasmi kemiskinan (Sadeq, 2002). Kemuncak kepesatan pembangunan wakaf dalam sejarah Islam dapat dilihat pada era khilafah Uthmaniyyah di mana kesemua fasiliti kesihatan, pendidikan dan kebajikan adalah dibiayai sepenuhnya oleh institusi wakaf (Cizakca, 1998). Justeru, dapat disimpulkan bahawa antara matlamat utama wakaf adalah untuk tujuan pembangunan dan kesejahteraan sosial.

Trend berwakaf seumpama ini juga masih boleh di lihat pada zaman kontemporari. Sadeq (2002) membuat tinjauan terhadap trend berwakaf di beberapa negara Islam menyimpulkan bahawa ia dibangunkan untuk memenuhi beberapa keperluan iaitu: pendidikan, pusat perlindungan, kesihatan, pusat aktiviti kemasyarakatan dan keagamaan. Sebagai contoh, di Bangladesh sejumlah lebih 8000 pusat pendidikan dibina menggunakan dana wakaf. Di Pakistan dan India, instrumen wakaf telah dibangunkan sebagai mekanisme untuk mempromosikan sektor klinik wakaf, pusat perubatan dan hospital serta institusi-institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D). Sungguhpun wujud perkembangan positif, namun trend berwakaf yang lebih dominan sebenarnya lebih tertumpu kepada tujuan keagamaan berbanding pembangunan sosial. Misalnya di Bangladesh, sebahagian besar aset yang diwakafkan adalah untuk tujuan pembinaan masjid dan pusat dakwah. Trend yang lebih kurang serupa juga dapat dilihat di Malaysia di mana wujud ribuan ekar tanah bernilai ratusan juta ringgit yang diwakafkan untuk tujuan keagamaan seperti pembinaan masjid, surau, madrasah dan tanah perkuburan. Dalam banyak keadaan, tanah-tanah ini tidak dapat diusahakan kerana terbatas dengan tujuan keagamaan seumpama ini. Realiti ini agak merugikan dan kelihatan tidak selari dengan realiti masyarakat muslim global yang dilanda kemiskinan dan kemunduran.

Menyedari realiti ini, beberapa inisiatif telah dilakukan sebagai usaha membasmi kemiskinan menggunakan instrumen wakaf. Antara yang sering diperkatakan ialah melalui pengintegrasian dana wakaf dalam aplikasi pembiayaan mikro Islam. Pakistan, India dan Afrika Utara antara negara yang cuba melaksanakan inisiatif ini. Walau bagaimanapun, aplikasi ini masih di peringkat awal dan belum meluas

3.0 Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif. Kaedah kepustakaan merupakan teknik yang dominan bagi mengumpulkan data. Justeru, rujukan utama terdiri daripada al-Quran, hadis dan pandangan dari fuqaha muktabar serta para pengkaji

kontemporari. Bahan rujukan adalah terdiri dari artikel jurnal, buku ilmiah, kertas kerja persidangan dan laporan yang berkaitan dengan takaful mikro dan wakaf. Pendekatan induktif diaplikasikan dengan cara mengkaji konsep, trend, potensi dan cabaran yang berkaitan dengan takaful mikro dan wakaf. Ia penting untuk mendapatkan kefahaman yang jitu berkaitan perbincangan kajian ini. Pendekatan deduktif digunakan untuk mengkaji idea serta buah fikiran berkaitan wakaf dan takaful mikro bagi mencapai konklusi yang lebih spesifik. Bagi menambahbaik pendekatan induktif dan deduktif yang diaplikasikan, Zahraa (2003) mencadangkan agar kaedah analitikal diadaptasi bagi meneroka, membandingkan dan membahas pandangan serta dapatan literatur sedia ada secara kritikal bagi mendapatkan pandangan yang meyakinkan.

4.0 Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1 Analisis Potensi Wakaf Dalam Penjagaan Kesihatan

Dalam sejarah kegemilangan Islam, wakaf telah memainkan peranan yang signifikan dalam mengupayakan aspek kesihatan dan perawatan penyakit. Era 'Uthmaniyyah dan Mamluk antara yang menonjol dalam penggunaan wakaf secara produktif menampung pembinaan dan penyelenggaraan hospital, bayaran gaji doktor, subsidi bahan ubat-ubatan, geran penyelidikan dan pembangunan kesihatan (R&D) serta membiayai kos rawatan rakyat tanpa mengira status dan agama (Aliyu, 2019; Çizakça, 2000; Nagamia, 2003). Pembangunan wakaf kesihatan juga dapat dilihat pada era pemerintahan Mamluk yang telah membina Hospital Mansuri di Kaherah. Ia mampu memuatkan 8000 pesakit dan dilengkapi beberapa kemudahan lainnya seperti farmasi, perpustakaan, masjid dan gereja. Hospital wakaf ini mengamalkan 'open door policy' yang menerima semua pesakit tanpa mengira agama, kaum dan status sosioekonomi (Nagamia, 2003). Hospital Fatih di Istanbul yang beroperasi pada tahun 1470M-1824M pula telah mengoptimumkan penggunaan dana wakaf digunakan untuk menampung kos perubatan pesakit, bahan ubatan, gaji doktor dan kakitangan hospital, penyelenggaraan hospital dan membiayai penyelidikan berkaitan perubatan (Alias dan Rozali, 2017; Rozali dan Alias, 2019).

Dalam konteks moden, pelaksanaan wakaf kesihatan perlu lebih diperluaskan mencakupi aspek pendanaan pembekalan makanan berkhasiat, penawaran klinik bercaj murah, pendanaan sumber air bersih dan penyediaan fasiliti sanitasi yang baik (khususnya tandas dan sistem saliran) di kawasan populasi miskin dan pendalaman. Ini kerana gizi yang tidak seimbang, sumber air tercemar dan persekitaran yang kotor antara punca penyebaran wabak dan penyakit. Hassan, Karim, dan Karim (2019); Ismail Abdel Mohsin (2013) dan M. T. Khan (2014)

4.2 Analisis Cabaran Integrasi Wakaf-Takaful Mikro

Menyedari prospek wakaf yang ada, semakin banyak kajian yang menyokong idea penggunaan dana wakaf untuk menampung penawaran takaful mikro kepada orang miskin, antaranya (Atan, 2016; Hasim, 2014; Kamaruddin, 2012; Kassim, 2014; Thaidi et al., 2019). Walaupun solusi ini kelihatan menarik dari sudut teoritikalnya, namun perlu diakui wujud beberapa isu dan cabaran dari sudut praktikalnya.

Kefahaman Masyarakat yang Terbatas

Tidak dinafikan bahawa masyarakat muslim Malaysia telah memahami konsep asas wakaf, namun kefahaman tersebut agak terbatas dan perlu dipertingkatkan agar wakaf lebih praktikal dan produktif. Contohnya, pewakaf lebih cenderung mewakafkan aset tidak alih (*waqf al-'iqar*) seperti bangunan, premis, rumah, tanah dan masjid. Ini kerana wujud sangkaan bahawa wakaf hanya terhad kepada aset seumpama itu (Alias 2011; Osman, Htay, dan Muhammad 2012). Konsep wakaf yang lebih fleksibel dan produktif – seperti wakaf tunai – kurang difahami dan mendapat sambutan. Malah, sebahagian mereka mempersoalkan kesahihan wakaf tunai. Kefahaman sebegini perlu diluruskan kerana wakaf tunai merupakan instrumen yang signifikan sebagai sumber dana alternatif bagi takaful mikro.

Trend Berwakaf untuk Tujuan Keagamaan

Tujuan berwakaf juga perlu diteliti semula kerana merujuk kepada amalan semasa, majoriti harta yang diwakafkan adalah untuk tujuan keagamaan dalam konteks yang agak terhad seperti pembinaan masjid, surau, tanah perkuburan dan madrasah. Mohd Nor dan Mohammed (2009) mendapati bahawa 80% tanah diwakafkan untuk tujuan keagamaan. Manakala wakaf untuk tujuan kesejahteraan sosial – seperti pendidikan dan kesihatan – kurang mendapat perhatian. Keterbatasan kepada aspek-aspek keagamaan tertentu sahaja menyebabkan wakaf sukar untuk dibangunkan dan menjadi faktor penyumbang kepada masalah aset wakaf terbiar. Situasi ini kelihatan kontradik dengan sejarah kecemerlangan Islam di mana wakaf dioptimumkan untuk pemerksaan fasiliti kemasyarakatan, khususnya pembangunan kesihatan.

Wakaf 'Am yang Kurang Pesat

Aspek keanjalan atau fleksibel dalam aplikasi wakaf adalah penting dalam usaha untuk meneroka dana wakaf bagi kegunaan takaful mikro. Justeru, wakaf 'am dilihat sesuai kerana lebih bersifat fleksibel dan lebih mudah dibangunkan bagi tujuan perlindungan kesihatan. Walau bagaimanapun, rekod Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) menunjukkan bahawa masyarakat awam lebih berminat kepada wakaf khas (Suhaimi dan Rahman 2017). Oleh kerana sifatnya yang terbatas iaitu penggunaannya tertakluk kepada manfaat tertentu sahaja yang ditentukan oleh pewakaf, menyebabkan lambakan harta wakaf khas yang tidak terurus dengan baik. Beberapa strategi berpotensi untuk menyelesaikan isu ini antaranya ialah dengan memasukkan elemen wakaf bertempoh (*waqf muaqqat*). Maksudnya, bagi pewakaf yang ingin melaksanakan wakaf khas disyaratkan untuk mengikat manfaat harta tersebut untuk tempoh tertentu sahaja (contoh: 60 tahun) kemudiannya akan ditukar menjadi wakaf 'am. Kaedah ini dipercayai boleh mengurangkan harta wakaf khas terbiar. Strategi promosi berkesan untuk meningkatkan kesedaran awam tentang wakaf 'am perlu dilakukan secara konsisten agar jumlahnya dapat dapat ditingkatkan.

Birokrasi Penggunaan Harta Wakaf

MAIN merupakan pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf di Malaysia. Autoriti ini adalah merujuk kepada perundangan contohnya, seksyen 61 (Akta 505) bagi Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993 yang memperuntukkan:

Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, semua nazir am, dan semua amanah daripada segala perihal yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut hukum syarak.

Dengan demikian, mengurus dan melaksanakan wakaf tanpa kebenaran MAIN merupakan satu kesalahan menurut perundangan. Enakmen Wakaf negeri Terengganu dan Perak memperuntukkan:

Mana-mana orang yang mentadbir atau mengurus wakaf am atau wakaf khas tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Mahamood et. al (2018) melaporkan bahawa wujud beberapa kes di mana berlakunya kelewatan dalam memberi kebenaran lalu menyebabkan sesebuah institusi sukar untuk melakukan promosi, kutipan, agihan dan pembangunan wakaf. Beberapa pengkaji menyuarakan kebimbangan pada elemen ketunggalan ini (*sole trustee*) kerana beranggapan ianya menjadi faktor yang membantutkan perkembangan wakaf di Malaysia (Alias dan Cizacka 2016; Bakar 2018; Hussin dan Rashid 2015). Pendekatan yang lebih baik ialah harta wakaf diuruskan oleh satu institusi bebas dan berautonomi yang dilantik sendiri oleh pewakaf kerana kaedah seperti ini lebih dekat dengan tradisi Islam dan prinsip Shariah (Alias dan Cizacka 2016).

Sungguhpun wujud beberapa cabaran, kajian ini optimis bahawa masih terdapat ruang untuk harta wakaf disalurkan bagi kegunaan takaful mikro lebih-lebih lagi yang melibatkan populasi miskin dan penularan wabak. Ini dapat dilihat melalui beberapa perkembangan terkini contohnya apa yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang telah menyalurkan sebanyak RM2 juta kepada Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) USIM untuk membina sebuah Klinik Pakar. Klinik ini mampu menawarkan khidmat pakar perubatan kepada masyarakat awam dengan harga murah. MAINS menunjukkan sikap keterbukaan dan percaya apabila kerjasama ini tidak memerlukan MOA dan dibuat tanpa had tempoh dengan syarat USIM menyediakan laporan kewangan secara berkala. Usaha sebegini antara contoh yang boleh dijadikan model dalam rangka mengintegrasikan wakaf dan takaful mikro secara berkesan dan komprehensif.

4.0 Penutup

Wabak pandemik telah mengakibatkan persekitaran ekonomi global menjadi terbatas yang menyebabkan masyarakat dunia menghadapi situasi sukar secara mengejut. Situasi sukar

ini dapat dilihat apabila akses kepada punca pendapatan menjadi amat terbatas ditambah pula dengan harga beberapa barang keperluan dan bahan ubatan yang meningkat. Populasi miskin adalah golongan yang paling terkesan dengan situasi begini. Takaful mikro antara instrumen kewangan patuh Syariah yang memberi harapan kepada segmen ini. Walau bagaimanapun, syarikat yang menawarkan takaful mikro sering menghadapi masalah kewangan berpunca dari harga caruman yang murah. Masalah kewangan ini boleh ditampung melalui saluran dana wakaf. Sungguhpun begitu, terdapat beberapa isu dan cabaran dalam penggunaan dana wakaf bagi tujuan pelaksanaan takaful mikro. Kajian ini sesuai dijadikan rujukan bagi agensi terlibat dengan pemeraksanaan kesihatan populasi miskin. Ia juga relevan sebagai rujukan untuk tujuan penyelidikan lanjut memandangkan bidang ini masih baharu.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh geran penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (kod penyelidikan: FRGS/1/2020/SSIO/USIM/02/9) dan geran penyelidikan industri, Yayasan Maghfirah (kod penyelidikan: USIM/YM/FSU/LUAR-S/41621). Kajian ini merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, khususnya Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Yayasan Maghfirah dan semua ahli penyelidik.

Rujukan

- Abdul, N., Nik, R., Ghani, A., Ilahi, I., & Edawati, S. (2019). *The Use of Zakat Fund in the Development of Micro Takaful: A Literature Review*. 13(1), 1–13.
- Al-Bukhari. (1997). *Sahih al-Bukhari* (M. M. Khan (ed.)). Darussalam.
- Al-Jurjani, A. M. (2000). *Al-Ta'rifat*. Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyah.
- Al-Sharbīnī, A.-K. (1997). *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifati Alfāz al-Minhāj*. Dār al-Ma'rifah.
- Alias, N. A. B., & Rozali, E. A. (2017). Pembinaan Institusi Wakaf Kesihatan di Istanbul pada Tahun 1470M (Hospital Fatih). *Islamiyyat*, 39(2), 153–164.
- Alias, T. A. (2011). *Unleashing the potential of the waqf as an economic institution in Malaysia: policy, legal and economics reforms*. INCEIF.
- Alias, T. A., & Cizacka, M. (2016). Should Malaysian States Have a Fresh Approach to Waqfs ? : A Proposal for a Model Waqf Enactment. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 6(2), 135–139.
- Aliyu, S. U. R. (2019). Reflections on the Socioeconomic Role of Waqf in an Islamic Economic System. *International Journal of `Umranic Studies*, 2(1), 29–41.
- Atan, N. A. (2016). Waqf as a Risk Pooling Method for the Poor and Low-Income Household in Funding the Healthcare Cost. *11th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW2016)*.
- Bakar, R. (2018). *Viewpoint by Guest Writer Cash Waqf for education : Prospects and challenges*. 6(2), 1–4.

- Bank Negara Malaysia. (2016). *Microinsurance and Microtakaful* (BNM/RH/DP 028-1; Issue 18 April).
- Boudjellal, M. (1998). Revival of the sunnah of waqf in Muslim countries and communities: justifications and conditions of success. *International Conference on Awqaf and Economic Development, Kuala Lumpur*.
- Brugnoni, A. (2013). Microtakaful. In O. Gönülal (Ed.), *Takaful and Mutual Insurance Alternative Approaches to Managing Risks* (pp. 153–174). World Bank.
- Chapra, M. U. (1979). *Objectives of the Islamic Economic Order* (Leicester). The Islamic Foundation.
- Cizakca, M. (1998). Awqaf in History and Implications for Modern Islamic Economics. *The International Conference on Awqaf and Economic Development, Kuala Lumpur*.
- Çizakça, M. (2000). *A history of philanthropic foundations: The Islamic world from the seventh century to the present*. Boğaziçi University Press.
- Gor, N. (2013). Microtakaful-Islamic Insurance for Deprived: Innovation, Sustainability and Inclusive Growth. *International Journal of Business, Economics and Law*, 3(2), 18–24.
- Haryadi, A. (2007). Reaching out to the poor with micro takaful. *Middle East Insurance Review*, 62–63.
- Hasim, H. M. (2014). Developing a Conceptual Framework of Microtakaful as a Strategy towards Poverty Alleviation. *Journal of Economics and Sustainable Development*, 5(28), 1–9.
- Hassan, M. K., Karim, M. F., & Karim, M. S. (2019). Experiences and Lessons of Cash Waqf in Bangladesh and Other Countries. In A. A. Ali K., Hassan M. (Ed.), *Revitalization of Waqf for Socio-Economic Development: Vol. 1* (pp. 59–83). Palgrave Macmillan. <https://doi.org/10.1007/978-3-030-18445-2>
- Htay, S. N. N., Sadzali, N. S., & Amin, H. (2015). An analysis of the viability of micro health takaful in Malaysia. *Qualitative Research in Financial Markets*, 7(1), 37–71. <https://doi.org/https://doi.org/10.1108/QRFM-09-2013-0030>
- Hussin, R., & Rashid, R. A. (2015). Isu-Isu Berkaitan Tanah Wakaf: Halangan Kepada Pembangunan Institusi Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia. *Waqf Round Table Conference*, 1–13.
- Ibn Qudāmah, ‘Abd Allāh bin Aḥmad. (1997). *al-Mughnī*. Dār ‘Alām al-Kutub.
- Idris, N. A., & Dan, A. R. (2004). *Teori Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi*. Penerbit UKM.
- Ismail, A. (2008). *History and Development of Takaful*. International Islamic Finance & Insurance Consulting Sdn. Bhd.
- Ismail Abdel Mohsin, M. (2013). Financing through cash-waqf: a revitalization to finance different needs. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 6(4), 304–321.
- Kahf, M. (2003). The Role of Waqf In Improving The Ummah Welfare. In *The International Seminar on Waqf as a Private Legal Body*.
- Kamaruddin, S. (2012). Mutual insurance & takaful: Tools of financial inclusion. *Mutual Insurance and Takaful in a Changing World*.
- Karim, N., Tarazi, M., & Reille, X. (2008). Islamic Microfinance: An Emerging Market Niche. In *CGAP Focus Note 49* (No. 47001; Vol. 49, Issue August).

- Kassim, Z. A. M. (2014). Micro Takaful or Micro Insurance. *Takaful and Mutuality*, 2, 12–14.
- Kaur, D. (2018). *Living with a rising medical inflation*. The Malaysian Reserve. <https://themalaysianreserve.com/2018/10/11/living-with-a-rising-medical-inflation/>
- Khan, M. J. A. (2007). *Micro-Takaful: the way forward*.
- Khan, M. T. (2014). Contribution of Islamic waqf in poverty reduction. *30th AGM and Conference of the PSDE, Khan 2007*, 28–46. <https://doi.org/10.1038/oby.2007.188>
- Lone, F. A., & Ahmad, S. (2017). Islamic finance: more expectations and less disappointment. *Investment Management and Financial Innovations*, 14(1), 134–141.
- Loong, S. (2019). *Healthcare inflation rate set to go up*. The Star. <https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2019/12/09/healthcare-inflation-rate-set-to-go-up>
- McLafferty, S. (2010). Placing pandemics: Geographical dimensions of vulnerability and spread. *Eurasian Geography and Economics*, 51(2), 143–161.
- Mikail, S. A., Ahmad, M. A. J., & Adekunle, S. S. (2017). Utilisation of zakāh and waqf fund in micro-takāful models in Malaysia: an exploratory study. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 9(1), 100–105. <https://doi.org/10.1108/IJIF-07-2017-010>
- Mohamad Puad, N. A. (2017). *Issues and Challenges in Developing Microtakaful in Muslim Country*. 2017(ICoMM), 978–967. <http://conference.kuis.edu.my/icommm/4th/e proceedings/IC 038.pdf>
- Mohd Nor, N., & Mohammed, M. O. (2009). Categorization of Waqf Lands and their Management Using Islamic Investment Models: the Case of the State of Selangor, Malaysia. *Islamic Business Research Center*, 1–13.
- Mokhtar, M., Sulaiman, R., & Ismail, A. (2012). Towards developing a sustainable microtakaful program in malaysia. *Islamic Finance in a Challengign Economy: Moving Forward, November*.
- Nagamia, H. F. (2003). Islamic Medicine History and Current Practice. *Journal of International Society for The History Od Islamic Medicine*, 2(4), 19–30.
- Obaidullah, M., & Khan, T. (2008). *Islamic Microfinance Development: Challenges and Initiatives*. Islamic Research and Training Institute.
- Osman, A. F., Htay, S. N. N., & Muhammad, M. O. (2012). Determinants of Cash Waqf Giving in Malaysia: Survey of Selected Works. *Workshop Antarbangsa Pembangunan Berteraskan Islam V (WAPI-5)*.
- Pfister, W., Klein, B., & Denker, H. (2009). *Security at little cost microinsurance in financial systems development* (No. 2009 – Strategies 179; BMZ Position Paper: Microinsurance – A Field of Activity for German Development Policy).
- Rozali, E. A., & Alias, N. A. B. (2019). Administration of Waqf Fund in Fatih Hospital, Istanbul (1470-1824). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 46(1), 112–130.
- Sadeq, A. M. (2002). Waqf, perpetual charity and poverty alleviation. *International Journal of Social Economics*, 29(1/2), 135–151.
- Salleh, M. C. M., & Padzim, F. Z. (2018). The prevalence of Micro Takaful Products in the Eyes of Malaysian SMEs. *International Academic Journal of Business Management*, 05(01), 87–103. <https://doi.org/10.9756/iajbm/v5i1/1810008>

- Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab. Rahman, & Azizi Che Seman. (2018). Cabaran pelaksanaan wakaf universiti awam di Malaysia: Analisis menurut perundangan di Malaysia. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 30(2), 383–409.
- Suhaimi, F. M., & Rahman, A. A. (2017). Is Society willing to donate Waqf? Opinions of the State Islamic Religious Councils in Malaysia. *Shariah Journal*, 25(2), 267–288.
- Swartz, N. P., & Coetzer, P. (2010). Takaful: An Islamic insurance instrument. *Journal of Development and Agricultural Economics*, 2(10), 333–339.
- Thaidi, H. A. A., Rahman, M. F. A., & Rahman, A. A. (2019). Integration of Waqf and Islamic Microfinance: Prospects and Challenges. *Journal of Fatwa Management and Research*, 16(2), 70–89.
- UNDP. (2019). *Human Development Index 2018*. United Nations Development Programme.
- Yusuf, T. O., & Mobolaji, A. H. (2012). The role of Islamic micro insurance in economic growth and development: The Nigerian experience: A case study of Al-Barakah microfinance bank, Lagos. *International Journal of Business and Commerce*, 1(10), 106–122.
- Zahraa, M. (2003). Unique Islamic Law Methodology and the Validity of Modern Legal and Social Science Research Methods for Islamic Research. *Arab Law Quarterly*, 18, 215–249.